

Belanjawan tingkat kualiti hidup, tumpu bidang masa depan

● Strategi bantuan tunai dijangka terus digunakan pada tahun mendatang kerana terbukti berkesan kurangkan kesempitan rakyat, semarakkan kembali aktiviti ekonomi

● Kerajaan perlu rangka strategi tarik pelaburan berkualiti tinggi, syarikat berupaya bayar gaji tinggi kepada anak muda, sekali gus tunjukkan kita komited capai tangga 10 teratas dunia negara berdaya saing

Oleh Mohd Jamizal Zainol
bhrenanca@bh.com.my



Pengerusi Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia

Jika ditanya pada setiap rakyat Malaysia apa diharapkan kepada bajet, sudah tentu ada pelbagai jawapan. Paling popular, tentu harapan mendapatkan wang terus ke tangan sama ada dalam bentuk bonus atau bantuan tunai.

Tidak hairan kerana ia dapat dirasakan nikmatnya kerana nampak wang ringgit di hadapan mata. Namun sebagai kerajaan bertanggungjawab, bantuan terus kewangan adalah antara usaha kecil dalam bajet setiap tahun bagi menggembirakan hati rakyat.

Perlu ditanya apakah tujuan akhir sesuatu bajet dibuat? Pada hemat saya, ia adalah memastikan kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan setiap tahun. Kualiti hidup rakyat bermaksud kualiti hidup dalam sebuah rumah merangkumi ibu bapa dan anak. Mereka sepatutnya mempunyai keperluan asas baik seperti rumah selesa, kenderaan baik, makanan sihat, kemudahan internet dan sedikit perbelanjaan untuk hiburan dan rekreasi.

Ini bertepatan definisi ekonomi itu sendiri diambil dari perkataan Greek, Oikonomikus bermaksud tugas menguruskan isi rumah. Dengan kata lain, tidak ada gunanya Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat setiap tahun, eksport negara meningkat dan pelaburan asing meningkat jika pendapatan dan kualiti hidup dalam satu isi rumah masih terhimpit dan tertekan.

Untuk itu Bajet 2023 dibentangkan semalam se kali lagi memperuntukkan bajet terbesar dalam sejarah, iaitu RM372.3 bilion. Pendapatan negara pada 2023 dijangkakan sebanyak RM272.6 bilion. Ini bermaksud ia bajet defisit dan ia bertambah agak ketara sejak tiga tahun lalu, iaitu RM53 bilion pada 2020, RM86 bilion (2021); RM98 bilion (2022) dan RM100 bilion (2023).

Peningkatan defisit ini tidak menghairankan kerana usaha kerajaan menangani COVID-19 memerlukan peruntukan besar termasuk perbelanjaan dalam memulihkan ekonomi dengan bantuan kepada peniaga terkesan sepanjang COVID-19.

Namun, perlu diingat defisit semakin melebar akan menambahkan hutang negara bagi menampung perbelanjaan melebihi pendapatan. Pendapatan negara akan sentiasa berkurang kerana pembayaran faedah hutang semakin bertambah. Jika dibiarkan dalam jangka panjang, defisit semakin melebar akan membebankan generasi mendatang.

Saya mengharapkan strategi ampuh Kementerian Kewangan dalam Bajet 2023 bagi menambahkan pendapatan negara. Namun, hasrat melihat Cukai Keuntungan Modal (CGT) menggantikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) belum kesampaian.

BAJET 2023

Kerajaan masih ‘malu’ mengenakan cukai kepada golongan ‘maha kaya’ mendapat keuntungan besar dalam jual beli saham. Sebaliknya, kerajaan hanya akan memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) bagi meningkatkan ketelusan dan aktauntabiliti pengurusan fiskal negara. Kita masih belum jelas bagaimanakah akta ini berfungsi dan sejauh manakah keberkesanan akta ini dalam meningkatkan pendapatan negara.

Yang menarik mulai 2023, semua warganegara Malaysia berusia 18 tahun akan diberikan *Tax Identification Number* (TIN) secara automatik dan diwajibkan bagi semua penyeteman dokumen dan surat cara. Ini usaha proaktif kerajaan bagi memastikan semua rakyat tidak lari membayar cukai.

Kata-kata efektif minimum

Selain itu, kerajaan akan memperkenalkan kadar cukai efektif minimum di peringkat global yang kaedahnya juga masih kabur dan tidak jelas. Selain itu usaha biasa diteruskan bagi menangani ketirisan hasil antaranya memperketatkan kawalan import rokok dan produk minuman keras melalui tempat pendaratan sah.

Bagi meningkatkan kualiti hidup dalam sebuah rumah, saya yakin yang akan menggembirakan apabila mereka mempunyai lebihan pendapatan untuk dibelanjakan.

Strategi terbaik masih diteruskan kerajaan, adalah bantuan tunai terus kepada rakyat terutama B40. Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) terus dipertingkatkan. Bagi isi rumah berpendapatan bulanan kurang RM2,500 dan menanggung lima anak layak menerima RM2,500.

Bantuan tunai bulanan juga diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan miskin. Keseluruhan peruntukan bantuan tunai terus ini lebih kurang RM10 bilion.

Ini tidak merugikan kerajaan kerana ia akan dibelanjakan penerima, sekali gus memberikan kesan rantaian kepada pasaran. Saya menjangkakan strategi ini akan terus digunakan kerajaan dalam tahun-tahun mendatang kerana terbukti berkesan dalam mengurangkan kesempitan hidup rakyat, sekali gus mampu menyemarakkan kembali aktiviti ekonomi melalui peningkatan kuasa beli.

Peningkatan pendapatan boleh belanja tidak sepatutnya hanya tertumpu kepada B40, tetapi juga menjurus M40 yang sebahagian besar rakyat berada dalam kelompok ini.

Bajet kali ini memberikan khabar gembira kepada M40 selama ini mengeluh kerana sering te-

rabai dalam bajet lalu. Kerajaan bersetuju mengurangkan kadar cukai dari 21 peratus kepada 19 peratus bagi mereka berpendapatan bercukai RM70,000 hingga RM100,000.

Dalam mana-mana pembentangan bajet, perkara lain harus diberikan keutamaan ialah membuka peluang pekerjaan, terutama kepada anak muda kita yang sekarang kebanyakannya mendapat pendidikan tinggi. Mereka tentu ingin bekerja sesuai dengan kelulusan dan tidak mahu lagi menjadi operator kilang seperti dahulu.

Untuk itu kerajaan perlu merangka mencari strategi untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang syarikat ini akan berupaya membayar gaji tinggi kepada anak muda. Kerajaan dengan ini komited untuk mencapai tangga 10 teratas dunia sebagai negara berdaya saing pada 2025. Ini adalah reformasi kita tunggu-tunggu kerana sudah sekian lama kita tidak berjaya menarik pelaburan asing berkualiti tinggi.

Kerajaan juga akan mewujudkan dana pelaburan lebih RM1 bilion bagi menarik lebih banyak pelaburan bernilai tambah tinggi. Fokus akan diberikan kepada teknologi frekuensi radio dan bluetooth bagi industri automatif, industri peranti perubatan, aeroangkasa dan industri petrokimia.

Tiba masanya kerajaan mengenal pasti kekuatan dan kelebihan negara dalam mencipta pengeluaran dan perkhidmatan tertentu. Kita tidak boleh lagi hanya bergantung komoditi seperti sawit, minyak dan gas semata-mata.

Ini mengingatkan saya kepada pesan Prof Ha Joon Chang, genius ekonomi dari Korea Selatan ketika kunjungannya ke Malaysia baru-baru ini yang menyatakan kehairanan dengan negarā kita yang suatu ketika dahulu dua kali ganda lebih kaya berbanding negaranya.

Beliau memberikan contoh bagaimana Korea Selatan boleh menghasilkan kereta antara terbaik di dunia walaupun bermula agak lambat dalam industri berkenaan, selain antara pengeluar terbaik semikonduktor, walaupun tidak mempunyai pasir banyak. Beliau menyatakan negara perlu fokus dalam sesuatu pengeluaran atau perkhidmatan dan memberikan bajet mencukupi dalam sesuatu bidang supaya negara mempunyai *comparative advantage* berbanding negara lain.

Pendek kata, bajet kali ini tidaklah terlalu memukau, tetapi ada beberapa langkah tepat dilakukan atas nama bajet reformatif. Negara sudah mula mempunyai fokus kepada bidang harus diberikan tumpuan seperti teknologi frekuensi radio, industri peranti perubatan, aeroangkasa dan industri petrokimia. Saya percaya kita masih punya harapan dengan syarat kerajaan perlu fokus dan mempunyai dasar konsisten.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH